

**NO. SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan kekuahan kewangan dan kebajikan pendeposit Tabung Haji dalam institusi kewangan dan kebajikan Islam di negara ini.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Semenjak penubuhan **TH** pada 53 tahun yang lalu, setiap tahun **TH** sentiasa memastikan prestasinya sebagai pengurus ibadat haji yang terbaik demi menjamin kebajikan para pendeposit dan kemaslahatan ummah.

Sebagai institusi yang diwujudkan dengan matlamat untuk menguruskan simpanan pendeposit untuk menunaikan rukun Islam yang kelima, **TH** sentiasa memastikan bahawa kebijakan pendeposit sentiasa menjadi keutamaan sepertimana yang digariskan dalam visi dan misi **TH**. Kebajikan yang paling utama ialah melalui perkhidmatan cemerlang yang diberikan **TH** kepada setiap jemaah haji negara pada setiap musim haji sehingga diiktiraf sebagai pengurus haji yang terbaik dan dicontohi di dunia.

Seterusnya kebijakan yang diberikan kepada para pendeposit dalam beberapa aspek seperti berikut:-

- i. Jaminan simpanan di **TH** adalah selamat dan dijamin Kerajaan serta berlandaskan konsep Wadiah Yad Dhamanah.
- ii. Pemberian hibah (bonus) kepada pendeposit pada setiap tahun demi meningkatkan jumlah simpanan mereka di **TH**. Kadar pemberian hibah (bonus) berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa dan mengikut budi bicara **TH**.
- iii. Pemberian Bonus Haji bermula 2013 memberi manfaat tambahan kepada pendeposit **TH** yang belum pernah menunaikan Haji agar dapat mencukupkan simpanan mereka bagi membayar bayaran haji.
- iv. **TH** juga mengekalkan bayaran haji untuk seorang jemaah sebanyak RM9,980 selama lapan (8) tahun berturut-turut, walaupun kos haji sebenar bagi setiap jemaah meningkat setiap

tahun. (2016M/1437H : Kos Haji Sebenar RM18,890; Subsidi **TH** RM8,910)

- v. **TH** menanggung subsidi haji untuk jemaah haji negara. Jumlah keseluruhan subsidi yang ditanggung **TH** dalam tempoh 10 tahun (2006M/1427H hingga 2015M/1436H) adalah berjumlah RM821 juta. Bagi musim haji 2016M/1437H ini, subsidi / tanggungan **TH** bagi seorang jemaah haji negara adalah RM8,910 dan anggaran jumlah keseluruhan subsidi mencecah RM160 juta.
- vi. Kos Haji Sebenar (RM18,890) adalah bertujuan menampung kos perkhidmatan melibatkan penerangan, penginapan, pengangkutan, makan dan minum dan barang haji selama tempoh 40 hari di Tanah Suci.
- vii. Pelaksanaan secara percuma kursus-kursus haji yang meliputi Kursus Asas, Kursus Intensif dan Kursus Perdana Haji bagi kemantapan pengetahuan ibadah haji kepada bakal-bakal jemaah haji negara.
- viii. Perkhidmatan kesihatan percuma kepada para jemaah haji negara seperti klinik, pusat rawatan dan ubatan-ubatan termasuklah para petugas kesihatan di Tanah Suci.
- ix. Penyediaan secara percuma khidmat bimbingan ibadah haji dan kaunseling kepada para jemaah haji negara ketika berada di Tanah Suci.

Justeru, ditegaskan bahawa tanpa kedudukan kewangan yang kukuh dan baik serta pulangan daripada aktiviti pelaburan, tidak mungkin **TH** dapat memberi perkhidmatan haji yang terbaik serta menjaga kebajikan para pendepositnya.

Sekian. Terima kasih.